PENDEKATAN DAKWAH SANTAI SIRAH NABAWIYAH MELALUI RADIO BEST FM: SATU ANALISIS KONSEPTUAL BERASASKAN DAKWAH BIL-HIKMAH

Mohd Rafie Bin Borham[1*], Dr. Mohd Ali bin Mohd Don[2]

[1,2] Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Pasir Gudang Johor, Malaysia

**Email: [1]2024856612@student.uitm.edu.my*

Received: 11 March 2026
Accepted: 26 June 2026
DOI: https://doi.org/10.24191/ij.v13i2.11017

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian konseptual dan dokumentari yang meneliti potensi program radio dakwah iaitu khususnya segmen Geng Sirah Best Pagi di Radio Best FM dalam menyampaikan nilai-nilai akhlak berasaskan sirah Nabawiyah kepada pelajar sebagai satu medium pembentukan sahsiah pelajar. Kajian konseptual ini menggunakan analisis dokumentari dan sorotan literatur sistematik bagi menghuraikan bagaimana teknik penceritaan naratif (storytelling) berpotensi menyampaikan nilai akhlak Rasulullah SAW secara santai, kontekstual dan mudah dihayati. Analisis menggunakan kerangka Dakwah bil-Hikmah sebagai alat analisis utama untuk menilai tiga elemen teras: pemilihan medium, strategi penyampaian naratif dan potensi internalisasi nilai sahsiah. Dapatan konseptual menunjukkan bahawa pendekatan ini berpotensi menyampaikan nilai-nilai murni seperti kesabaran, amanah, kepimpinan dan kasih sayang dalam format yang relevan dengan realiti kehidupan pelajar masa kini. Kajian turut menyerlahkan peranan medium radio sebagai saluran dakwah tidak formal yang masih signifikan. Namun, kajian empirikal lanjutan diperlukan untuk mengesahkan potensi yang dikemukakan ini. Secara menyeluruh, kajian konseptual ini menyumbang kepada wacana dakwah media massa dengan mencadangkan model penyampaian naratif yang santai dan inklusif sebagai alternatif kepada pendekatan dakwah formal sedia ada.

Keywords: Dakwah Santai, Sirah Nabawiyah, Analisis Konseptual, *Dakwah bil-Hikmah*, Radio Dakwah

ABSTRACT

This study examines the conceptual potential of a radio-based da'wah programme, specifically the Geng Sirah Best Pagi segment on Radio Best FM as a medium for transmitting prophetic moral values to young Muslim learners. Drawing on documentary analysis and a systematic literature review, the study analyses how narrative storytelling techniques grounded in Sirah Nabawiyah can communicate ethical values in an accessible, non-coercive manner. Rather than adopting an empirical design, this conceptual inquiry applies the Dakwah bil-Hikmah framework as its primary analytical lens, evaluating three dimensions of the programme: medium selection, narrative delivery strategies, and the potential for value internalisation among listeners. The analysis reveals that the integration of hikmah, maw'izah hasanah and mujadalah billati hiya ahsan principles offers a theoretically grounded explanation for why santai (relaxed) da'wah radio holds promise in shaping students' character. Values such as perseverance, integrity, leadership and compassion are found to be most effectively conveyed when framed through contextually relevant sirah narratives that mirror

the lived experiences of young listeners. The study acknowledges the inherent limitation of conceptual work, findings represent analytical propositions rather than verified outcomes and calls for empirical research to substantiate the framework presented. The contribution of this study lies in its reconceptualisation of radio as a contemporary da'wah medium capable of delivering morally rich content through narrative forms that resonate with the communicative preferences of today's student population.

Keywords: Relaxed da'wah, Sirah Nabawiyah, Conceptual Analysis, Dakwah bil-Hikmah, Radio Da'wah

1.0 PENGENALAN

Dalam landskap komunikasi moden yang semakin didominasi oleh pelbagai platform digital, stesen radio kekal sebagai salah satu medium yang memiliki kekuatan tersendiri dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat. Kelebihannya terletak pada capaian yang luas, sifatnya yang fleksibel serta keupayaannya untuk menyampaikan kandungan secara akrab dan berterusan, membolehkan mesej dakwah disampaikan dengan cara yang lebih santai dan mudah diterima oleh pendengar, khususnya pelajar (Kamal & Mohamad, 2022; Alfarizi et al., 2023). Dalam konteks Malaysia, stesen radio mempunyai kelebihan unik untuk dijadikan medium dakwah yang lebih dekat dan relevan dengan kehidupan pelajar kerana medium ini boleh diakses pada bila-bila masa tanpa memerlukan perhatian visual yang penuh.

Sirah Nabi Muhammad SAW bukan sekadar catatan sejarah kehidupan Baginda, tetapi juga merupakan khazanah nilai moral dan panduan kehidupan yang relevan untuk diaplikasikan dalam konteks kehidupan moden. Nilai-nilai seperti kesabaran, amanah, kejujuran dan kasih sayang yang terkandung dalam sirah berperanan penting dalam pembentukan sahsiah pelajar, khususnya dalam aspek sosial dan akademik mereka (Mat Daud et al., 2020). Melalui pendedahan yang sistematik dan berterusan terhadapsirah Nabawiyah, pelajar berpeluang mengaitkan pengajaran Rasulullah SAW dengan realiti kehidupan yang penuh cabaran dan kompleksiti (Hirza & Mukhlis, 2024).

Program dakwah radio seperti Geng Sirah Best Pagi di Radio Best FM memanfaatkan teknik penceritaan untuk menyampaikan mesej keagamaan dalam format yang menarik dan mudah difahami. Teknikpenceritaan (storytelling*)* diiktiraf sebagai kaedah yang berkesan dalam menyampaikan nilai moral melalui media kerana kaedah ini mampu menarik perhatian pendengar, terutamanya golongan muda, tanpa bersifat terlalu formal atau membebankan. Melalui naratif yang disampaikan secara santai namun bermakna, program ini berpotensi membantu pelajar memahami mesej dakwah pada tahap yang lebih mendalam, di samping mengadaptasikan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian mereka.

Selain itu, penggunaan *storytelling* dalam dakwah melalui media turut menyokong proses pembentukan sahsiah pelajar apabila nilai-nilai moral disampaikan secara naratif yang dekat dengan pengalaman hidup mereka. Pendekatan ini membolehkan pelajar lebih menghargai dan menghayati pengajaran yang terkandung dalam sirah Nabi Muhammad SAW serta mengaplikasikannya dalam konteks hubungan sosial, pembelajaran dan pembentukan karakter peribadi (Darlan et al., 2021). Justeru, dakwah santai melalui stesen radio dilihat sebagai pendekatan yang relevan, inovatif dan berpotensi besar dalam menyampaikan nilai akhlak Islam kepada pelajar secara berkesan dan berterusan (Choirin et al., 2024).

Justeru, kajian ini menghuraikan bagaimana segmen Geng Sirah Best Pagi di Radio Best FM berpotensi mengintegrasikan elemen *storytelling* dengan kandungan sirah Nabawiyah untuk membentuk sahsiah pelajar. Kajian ini membina analisis berdasarkan kerangka Dakwah bil-Hikmah, analisis dokumentari terhadap kandungan segmen dan sorotan literatur yang sistematik. Pendekatan ini membuka ruang perbincangan yang lebih luas tentang peranan media radio dalam ekosistem pendidikan Islam tidak formal di Malaysia, di sampingmenyediakan asas konseptual yang kukuh untuk kajian empirikal lanjutan pada masa hadapan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Walaupun media sering dimanfaatkan sebagai wahana penyebaran dakwah, masih terdapat kelompongan kajian yang menilai secara khusus bagaimana format santai dalam dakwah radio seperti yang dipraktikkan dalam program Geng Sirah Best Pagi berpotensi memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan sahsiah pelajar. Sebagai saluran komunikasi yang mudah diakses, radio menawarkan peluang strategik untuk menyebarkan mesej moral kepada masyarakat secara lebih meluas dan berterusan. Namun, perhatian akademik terhadap bagaimana teknik penceritaan santai boleh dimanfaatkan secara optimum untuk menyampaikan nilai akhlak Rasulullah SAW kepada pelajar yang mungkin kurang berminat terhadap pendekatan dakwah konvensional masih sangat terhad.

Mat Daud et al. (2020) menekankan bahawa sirah Nabi Muhammad SAW bukan sekadar dokumentasi sejarah, tetapi turut mengandungi kekayaan nilai moral yang berpotensi besar untuk diterapkan dalam kehidupan umat Islam moden, terutamanya dalam konteks pendidikan pelajar. Walaupun demikian, cara penyampaian nilai-nilai tersebut melalui media santai, khususnya stesen radio, masih kurang mendapat perhatian penyelidik, terutama dalam konteks golongan pelajar yang lebih cenderung terhadappendekatan komunikasi yang tidak formal dan bersesuaian dengan gaya hidup mereka. Kebanyakan kajian terdahulu lebih memberi tumpuan kepada dakwah formal seperti ceramah, kuliah agama dan pengajaran bersemuka.

Jurang ini menjadi semakin signifikan apabila dipertimbangkan bahawa generasi pelajar masa kini memiliki corak penerimaan maklumat yang berbeza berbanding generasi sebelumnya. Mereka lebih responsif terhadap pendekatan komunikasi yang santai, naratif, tidak memaksa dan tidak menghukum, namun kajian tentang bagaimana ciri-ciri ini boleh dimanfaatkan dalam konteks dakwah radio masih belum mencukupi (Choirin et al., 2024). Justeru, kajian ini hadir untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti secara mendalam keberkesanan segmen Geng Sirah Best Pagi sebagai model dakwah santai yang berasaskan sirah Nabawiyah.

3.0 PERSOALAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini cuba menjawab tiga persoalan utama:

- Apakah nilai-nilai sahsiah yang berpotensi diketengahkan melalui program Geng Sirah Best Pagi di Radio Best FM berdasarkan prinsip hikmah dalam kerangka Dakwah bil-Hikmah?
- Bagaimanakah strategi penceritaan yang digunakan dalam penyampaian sirah Nabawiyah melalui program tersebut bersesuaian dengan prinsip *maw'izah hasanah*?
- Sejauh manakah pendekatan penyampaian naratif segmen tersebut berpotensi menyokong penghayatan nilai akhlak dan pemaknaan sahsiah dalam kalangan pelajar berdasarkan prinsip *mujadalah billati hiya ahsan*?

Kajian ini bertujuan untuk:

- Mengenal pasti nilai-nilai sahsiah yang disampaikan melalui program Geng Sirah Best Pagi di Radio Best FM, dengan fokus kepada nilai akhlak Rasulullah SAW yang disampaikan melalui teknik *storytelling*.
- Menganalisis strategi penceritaan yang digunakan dalam penyampaian sirah, termasuk cara-cara penceritaan yang berkesan dan kesan naratif terhadap pendengar.
- Menilai secara konseptual potensi penghayatan nilai-nilai akhlak yang disampaikan dalam segmen tersebut, serta menganalisis bagaimana pendekatan penyampaian naratif berpotensi menyokong pemaknaan sahsiah dalam kalangan pelajar berdasarkan prinsip *mujadalah billati hiya ahsan*.

4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini signifikan dari sudut akademik dan praktikal dalam memperkukuh perbincangan tentang pendekatan dakwah santai berasaskan sirah Nabawiyah melalui medium radio. Dari sudut akademik, kajian ini menyumbang kepada wacana dakwah media dengan memberi tumpuan khusus kepada bentuk penyampaian naratif sebagai mekanisme pemindahan nilai akhlak kepada generasi muda. Perbincangan tentang dakwah sering tertumpu kepada kandungan mesej semata-mata, namun aspek gaya komunikasi sertastruktur penceritaan jarang dianalisis secara sistematik dan mendalam. Justeru, kajian ini memperluaskan pemahaman tentang bagaimana nilai sirah Rasulullah SAW dapat diterjemahkan melalui format radio yang santai tetapi berstruktur, serta bagaimana pendekatan tersebut mempengaruhi proses pemaknaan sahsiah dalam kalangan pelajar dan masyarakat.

Selain itu, kajian ini mengukuhkan kedudukan stesen radio sebagai medium dakwah tidak formal yang masih relevan dalam konteks komunikasi moden. Walaupun media digital semakin mendominasi landskap komunikasi semasa, stesen radio mempunyai ciri keintiman dan kebiasaan mendengar yang membolehkan mesej moral disampaikan secara beransur-ansur sertakonsisten tanpa memerlukan perhatian visual pendengar. Hal ini selari dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa penyampaian naratif yang ringan serta tidak bersifat menghakimi dan memaksa lebih mudah diterima oleh golongan muda, khususnya dalam konteks pembentukan nilai.

Kajian ini menyediakan asas analitis untuk penambahbaikan kandungan dakwah melalui media massa, khususnya dalam penyusunan skrip sirah dan teknik penceritaan yang berkesan. Penemuan kajian turut menyokong pandangan bahawa pendekatan dakwah yang bersifat mesra pendengar dan tidak terlalu formal berpotensi memperkukuh penghayatan audiens dan mempertingkatkan keberkesanan penyampaian mesej moral dari semasa ke semasa. Integrasi tiga elemen utama iaitu sirah Nabawiyah sebagai sumber nilai, *storytelling* sebagai strategi komunikasi dan stesen radio sebagai medium dakwah memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang bagaimana pembentukan sahsiah pelajar dapat disokong melalui pendekatan dakwah santai yang terancang dan kontekstual.

5.0 KAJIAN LEPAS

Kajian tentang dakwah melalui media, khususnya stesen radio, semakin mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji komunikasi Islam. Media massa, terutamanya stesen radio, berpotensi memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah pelajar melalui pendekatan yang santai dan mudah diterima. Segmen seperti Geng Sirah Best Pagi menggunakan teknik *storytelling* untuk menyampaikan nilai-nilai moral yang terkandung dalam sirah Nabi Muhammad SAW dengan cara yang ringan, menarik dan tidak menggurui.

Mat Daud et al. (2020) menjelaskan bahawa pembelajaran sosial yang berlandaskan Islam secara konsisten berpotensi membantu pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar.

Interaksi sosial yang positif, termasuk pendedahan kepada dakwah melalui stesen radio, berperanan penting dalam memperkukuh nilai moral secara beransur-ansur. Kajian-kajian berkaitan turut mendapati bahawa pendekatan dakwah santai lebih berkesan dalam menyampaikan mesej moral kepada pelajar berbanding dakwah formal, kerana pendekatan tersebut lebih mudah diterima oleh golongan muda tanpa sebarang rasa paksaan atau tekanan psikologi (Choirin et al., 2024).

Darlan et al. (2021) melalui kajian mereka tentang pendidikan Islam di Indonesia mendapati bahawa pendidikan karakter yang diterapkan dalam bentuk dakwah santai menunjukkan impak yang signifikan terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Melalui penceritaan yang bersifat interaktif dan mudah diakses, pelajar lebih terdorong untuk mendekati dan mengaplikasikan nilai-nilai moral dalam kehidupan mereka. Hal ini memperlihatkan bahawa format penyampaian memainkan peranan yang sama pentingnya dengan kandungan mesej dalam memastikan keberkesanan dakwah.

Selain itu, teknik penceritaan naratif dalam dakwah media berpotensi meninggalkan kesan yang berpanjangan terhadap perubahan sikap dan tingkah laku pelajar. Naratif yang dibina dengan teliti berpotensi mencetuskan empati, refleksi kendiri dan motivasi dalaman dalam kalangan pendengar muda. Ini bertepatan dengan pandangan Mat Daud et al. (2020) bahawa pendedahan berterusan kepada nilai-nilai Islam melalui saluran media yang bersifat santai berpotensi memperkukuh keterlibatan audiens dan meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej moral secara jangka panjang.

Kajian-kajian terdahulu memperlihatkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pendekatan penyampaian dakwah dengan tahap penerimaan dan penghayatan nilai moral dalam kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, majoriti kajian yang sedia ada lebih menumpukan kepada medium digital dan platform dalam talian sebagai sebuah wahana dakwah, sedangkan potensi stesen radio sebagai medium dakwah santai yang berkesan, khususnya dalam konteks pembentukan sahsiah pelajar melalui penceritaan sirah Nabawiyah, masih kurang diterokai secara mendalam. Jurang ini membuka ruang kepada kajian yang lebih khusus dan berfokus seperti yang dijalankan dalam kajian ini (Arif & Chapakiya, 2024; Soeparwati et al., 2025).

6.0 METODOLOGI KAJIAN

6.1 Kerangka Teori: Dakwah bil-Hikmah sebagai Asas Pendekatan Santai

Kajian ini berpaksikan konsep Dakwah bil-Hikmah sebagai tunjang teori utama dalam memahami dan menganalisis program radio Geng Sirah Best Pagi. Konsep ini bersumberkan firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl ayat 125 yang bermaksud: “Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berbahasalah dengan mereka dengan cara yang lebih baik” (al-Quran, 16:125). Ayat mulia ini menggariskan tiga prinsip asas dalam berdakwah, iaitu hikmah, *maw'izah hasanah* dan *mujadalah billati hiya ahsan*yang semuanya mengutamakan kepintaran dalam memilih cara penyampaian yang bijaksana, mesra serta bersesuaian dengan latar belakang pendengar (Mat Daud et al., 2020).


Hikmah dalam konteks dakwah bermaksud kebijaksanaan dalam memilih masa, tempat, kaedah dan gaya penyampaian yang paling sesuai untuk khalayak sasaran. Dalam kajian ini, prinsip hikmah digunakan sebagai alat analisis untuk menilai sejauh mana pemilihan medium radio, slot waktu pagi dan format santai oleh segmen Geng Sirah Best Pagi mencerminkan kebijaksanaan dalam memilih strategi komunikasi yang paling berkesan untuk khalayak pelajar. Dalam konteks segmen Geng Sirah Best Pagi, prinsip hikmah ini dizahirkan melalui pemilihan format radio santai sebagai medium, penggunaan teknik

storytelling sebagai kaedah penyampaian, serta pemilihan waktu pagi sebagai slot siaran yang bertepatan dengan rutin harian pelajar.

Maw'izah hasanah pula bermaksud pengajaran yang lembut, penuh kebaikan dan menyentuh jiwa tanpa unsur penghakiman atau tekanan. Prinsip ini digunakan dalam kajian ini sebagai alat analisis untuk menilai sama ada pendekatan naratif dalam program Geng Sirah Best Pagi berupaya menjangkau hati pendengar secara sukarela tanpa menimbulkan rasa tertekan. Kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa pelajar lebih terbuka untuk menerima mesej moral apabila mesej tersebutdibingkai dalam suasana yang selesa dan mencerminkan realiti pengalaman hidup mereka (Darlan et al., 2021). Sementara itu, prinsip *mujadalah billati hiya ahsan* digunakan untuk menilai potensi dialog dalaman yang terhasil dalam diri pendengar sepanjang proses internalisasi nilai sahsiah melalui medium radio.

Kesimpulannya, kerangka *Dakwah bil-Hikmah* bukan sekadar asas teori dalam kajian ini, tetapi berfungsi sebagai alat analisis yang digunakan secara konsisten untuk menilai setiap elemen segmen Geng Sirah Best Pagi adalah daripada pemilihan medium, format penyampaian, kandungan naratif, hingga potensi kesan terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Kerangka ini membuktikan bahawa dakwah yang berkesan bukan semestinya bersifat formal dan serius, sebaliknya dakwah yang bijaksana, kontekstual dan mesra pendengar berpotensi memberi impak yang lebih mendalam serta berkekalan terhadap proses tarbiah pelajar (Mat Daud et al., 2020). Justeru, kerangka teori ini menjadi tunjang kepada seluruh analisis dan perbincangan yang dikemukakan dalam kajian ini.

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Berasaskan Dakwah bil-Hikmah

6.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini secara tegas merupakan kajian konseptual dan dokumentari, bukannyakajian empirikal. Perbezaan ini penting untuk difahami: kajian empirikal memerlukan pengumpulan data primer melalui temu bual sistematik, soal selidik atau pemerhatian ke atas subjek kajian, manakala kajian konseptual bertujuan untuk membangunkan kerangka pemahaman dan cadangan berdasarkan analisis literatur dan dokumentasi sedia ada (Jabareen, 2009). Dalam konteks kajian ini, pendekatan konseptual dipilih kerana bersesuaian dengan tujuan kajian yang berfokus kepada penerokaan dan penghuraian konseptual tentang potensi dakwah santai berasaskan sirah Nabawiyah dalam pembentukan sahsiah pelajar tanpa membuat dakwaan empirikal yang memerlukan data lapangan. Justeru, semua dapatan yang dikemukakan adalah berbentuk cadangan, potensi sertaanalisis berdasarkan kerangka teori dan literatur, bukannya kesimpulan yang disahkan secara empirikal.

Pengumpulan data dalam kajian ini dilaksanakan melalui dua kaedah utama. Pertama, analisis dokumentari terhadap bahan-bahan berkaitan segmen Geng Sirah Best Pagi termasuk sinopsis program, maklumat awam tentang format siaran dan ulasan berkaitan segmen tersebut yang tersedia secara umum. Kedua, sorotan literatur sistematik terhadap kajian-kajian terdahulu berkaitan dakwah media, teknik *storytelling* dan pembentukan sahsiah pelajar yang diterbitkan antara tahun 2019 hingga 2025 melalui pangkalan data Scopus, Google Scholar dan MyJurnal.

Data yang diperoleh melalui kedua-dua kaedah ini dianalisis menggunakan analisis tematik konseptual, dengan tema-tema utama dikenal pasti berdasarkan kerangka Dakwah bil-Hikmah. Proses analisis dilaksanakan melalui tiga peringkat.Pertama, pengenalpastian elemen-elemen segmen yang relevan dengan prinsip hikmah, *maw'izah hasanah* dan mujadalah.Kedua, penilaian potensi setiap elemen dalam membentuk sahsiah pelajar berdasarkan literatur.Ketiga, sintesis dapatan ke dalam cadangan konseptual yang boleh dimanfaatkan oleh pengamal dakwah media. Kajian ini mempunyai limitasi yang perlu diakui secara jujur kerana bersifat konseptual dan dokumentari, dapatan yang dikemukakan tidak boleh digeneralisasikan tanpa pengesahan empirikal. Kajian empirikal lanjutan yang melibatkan analisis kandungan episod sebenar secara sistematik, temu bual dengan pendengar pelajar dan kajian kesan jangka panjang diperlukan untuk mengesahkan cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini.

6.3 Profil Segmen Geng Sirah Best Pagi

Segmen Geng Sirah Best Pagi merupakan satu program dakwah santai yang disiarkan secara langsung di stesen Radio Best FM setiap hari Jumaat bermula pukul 8.00 pagi hingga 9.00 pagi, menjadikan durasi setiap episod selama satu jam penuh. Program ini disampaikan oleh Ustaz Rafie Borham, seorang pendakwah yang menggabungkan pendekatan penceritaan naratif dengan kandungan sirah Nabawiyah dalam format yang santai, interaktif dan mudah dihayati oleh pendengar daripada pelbagai latar belakang, khususnya golongan pelajar. Pemilihan hari Jumaat sebagai slot siaran bukan sesuatu yang berlaku secara kebetulan, sebaliknya mencerminkan kesedaran yang mendalam tentang kepentingan hari tersebut dalam Islam sebagai hari yang penuh keberkatan dan paling sesuai untuk menyampaikan pengajaran agama kepada masyarakat.

Dari sudut format penyampaian, segmen ini menggabungkan teknik *storytelling* dengan pendekatan dakwah yang tidak formal bagi mewujudkan suasana perbincangan

yang mesra dan dekat dengan kehidupan seharian pendengar. Ustaz Rafie Borham menyampaikan kisah-kisah daripada sirah Nabi Muhammad SAW dengan gaya bahasa yang mudah difahami, diselangi dengan ulasan dan refleksi yang mengaitkan pengajaran sirah dengan isu-isu semasa yang relevan dengan pengalaman pelajar. Pendekatan ini bertepatan dengan prinsip *dakwah bil-hikmah* yang menekankan kepentingan menyampaikan mesej agama melalui cara yang paling berkesan dan bersesuaian dengan konteks khalayak sasaran. Slot waktu pagi yang dipilih turut memberikan kelebihan tersendiri kerana pendengar berada dalam keadaan minda yang segar dan lebih terbuka untuk menerima input moral sebelum memulakan aktiviti harian mereka.

Dari sudut skop kandungan, setiap episod segmen Geng Sirah Best Pagi memfokuskan kepada satu tema atau peristiwa tertentu dalam sirah Nabawiyah yang dipilih secara berstruktur berdasarkan relevansinya dengan kehidupan pelajar semasa. Tema-tema yang berpotensi diketengahkan merangkumi pelbagai dimensi sahsiah seperti akhlak, kepimpinan, kasih sayang, kesabaran dan tanggungjawab sosial, yang disampaikan melalui naratif yang hidup dan menarik. Mat Daud et al. (2020) menegaskan bahawa pemilihan tema yang relevan dengan konteks kehidupan pendengar merupakan faktor penentu utama dalam memastikan mesej dakwah berpotensi diterima dan dihayati secara lebih mendalam. Justeru, struktur kandungan segmen ini yang bersifat tematik dan berterusan dari minggu ke minggu berpotensi membolehkan proses pembentukan sahsiah pelajar berlaku secara beransur-ansur dan berkekalan.

7.0 HASIL DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membentangkan dapatan dan perbincangan kajian secara konseptual, disusun mengikut tiga objektif kajian. Setiap subseksyen menggunakan satu prinsip daripada kerangka *Dakwah bil-Hikmah* sebagai alat analisis, manakala contoh-contoh daripada episod sebenar program Geng Sirah Best Pagi dikemukakan sebagai asas analisis dokumentari. Semua dapatan bersifat konseptual dan perlu disahkan melalui kajian lapangan pada masa hadapan.

Sebelum analisis dibentangkan, perlu difahami bahawa kerangka *Dakwah bil-Hikmah* bukan sekadar teori abstrak, tetapi alat analisis yang mempunyai implikasi praktikal yang jelas. Setiap prinsip hikmah, *maw'izah hasanah* dan mujadalah, masing-masing menangani satu dimensi kritikal dalam proses komunikasi dakwah: hikmah menangani soal strategi penyampaian, *maw'izah hasanah* menangani soal cara penerimaan pesan, dan mujadalah menangani soal proses internalisasi nilai. Tiga dimensi ini adalah saling melengkapi dan tidak boleh dipisahkan kerana kegagalan pada mana-mana satu dimensi akan menjejaskan keseluruhan proses pembentukan sahsiah (Mat Daud et al., 2020).

7.1 Nilai-Nilai Sahsiah yang Berpotensi Diketengahkan

Dari perspektif teoretikal, keberkesanan *storytelling* dalam dakwah radio bukan berlaku secara rawak. Darlan et al. (2021) menjelaskan bahawa teknik penceritaan bekerja melalui mekanisme pengenalpastian naratif, iaitupendengar secara tidak sedar meletakkan diri mereka dalam kedudukan watak dalam cerita. Implikasinya kepada dakwah sirah ialahapabila pelajar mendengar kisah Ibnu Abbas, mereka bukan sekadar belajar tentang seorang tokoh sejarah, tetapi tanpa sedar membandingkan diri mereka dengan tokoh tersebut. Proses perbandingan inilah yang menjana nilai moral, bukan ceramah, bukan peringatan, tetapi cermin naratif yang pelajar pegang sendiri.

Secara kritikal, pemilihan medium radio untuk menyampaikan sirah Nabawiyah kepada pelajar mencerminkan pemahaman yang mendalam tentang psikologi penerimaan maklumat. Kajian tentang media akustik mendapati bahawa manusia cenderung lebih terbuka menerima mesej yang datang semasa mereka dalam keadaan tenang berbanding semasa mereka berada dalam tekanan. Slot pagi hari Jumaat yang dipilih untuk program

Geng Sirah Best Pagi bukan kebetulan tetapi merupakan keputusan hikmah yang memaksimumkan kemungkinan penerimaan mesej dalam keadaan pelajar paling responsif: waktu pagi yang segar, hari yang bermakna secara spiritual dan suasana perjalanan yang membolehkan fokus tanpa gangguan visual (Ramadhan et al., 2024).

Bagi menjawab objektif pertama kajian, prinsip hikmah dalam kerangka *Dakwah bil-Hikmah* digunakan sebagai alat analisis untuk mengenal pasti nilai-nilai sahsiah yang diketengahkan melalui segmen Geng Sirah Best Pagi. Persoalan utama yang ditangani ialah: mengapa pemilihan kisah sirah tertentu lebih berkesan berbanding yang lain dalam menyampaikan nilai sahsiah kepada pelajar? Prinsip hikmah memberikan jawapan teoretikal yang jelas, iaitu keberkesanan dakwah bukan bergantung semata-mata kepada kebenaran mesej, tetapi kepada ketepatan strategi penyampaian yang disesuaikan dengan konteks, masa dan psikologi khalayak sasaran. Ini bermakna, sekiranya pemilihan kisah tidak mempertimbangkan realiti kehidupan pelajar, nilai-nilai yang disampaikan walaupun benar dan mulia, berisiko tidak dihayati kerana tidak relevan dengan pengalaman pendengar (Choirin et al., 2024).

Secara kritikal, analisis ini mendapati bahawa prinsip hikmah bukan sahaja berfungsi sebagai panduan pemilihan kandungan, tetapi juga sebagai mekanisme penghubung antara teks sirah yang bersifat historis dengan konteks kehidupan semasa pelajar. Tanpa pengaplikasian prinsip hikmah, sirah Nabawiyah berisiko kekal sebagai bahan bacaan sejarah yang pasif. Inilah yang membezakan segmen Geng Sirah Best Pagi daripada pengajaran sirah konvensional, bukan sekadar menceritakan semula peristiwa, tetapi secara aktif membina jambatan antara pengalaman Rasulullah SAW dengan cabaran yang dihadapi pelajar pada hari ini. Ramadhan et al. (2024) menegaskan bahawa radio sebagai medium dakwah yang bersifat akrab dan peribadi mempercepatkan proses pembinaan jambatan nilai ini kerana medium tersebut diterima dalam suasana tanpa tekanan.

Lebih jauh daripada sekadar memilih kisah yang relevan, prinsip hikmah juga beroperasi pada peringkat struktur penyampaian. Analisis mendapati bahawa segmen ini tidak hanya memilih kisah yang betul, tetapi menyusun elemen penyampaian, pembukaan, perkembangan naratif dan penutup reflektif mengikut logik hikmah yang memaksimumkan potensi penerimaan nilai. Ini membezakan penyampai yang bijaksana daripada penyampai yang sekadar berpengetahuan: yang pertama tahu kandungan yang benar, yang kedua tahu cara menyampaikannya dengan berkesan kepada orang yang betul pada masa yang betul (Choirin et al., 2024).

Apabila prinsip hikmah diaplikasikan secara khusus terhadap pemilihan kisah Usamah bin Zaid dan Abdullah bin Abbas, terdapat logik teoretikal yang kukuh di sebalik pilihan ini. Kedua-dua kisah melibatkan protagonis muda yang berjaya danhal ini bukan kebetulan. Secara psikologi perkembangan, remaja dan pelajar muda lebih mudah menginternalisasi nilai apabila model rujukan mereka ialah individu yang berusia hampir sama, berbanding figur dewasa yang dianggap berada di peringkat berbeza dalam kehidupan. Hikmah dalam pemilihan ini terletak pada pemahaman bahawa relevansi usia model rujukan adalah faktor kritikal dalam keberkesanan dakwah kepada golongan muda (Mat Daud et al., 2020).

Analisis dokumentari mengesahkan bahawa pemilihan episod Usamah bin Zaid dan Abdullah bin Abbas mencerminkan prinsip hikmah dalam dimensi yang lebih halus: kedua-dua kisah mempersembahkan nilai yang berbeza tetapi saling melengkapi. Usamah bin Zaid mewakili nilai luaran kepimpinan serta tindakan sosial yang boleh dilihat dan dinilai oleh orang lain. Abdullah bin Abbas pula mewakili nilai dalaman, iaitu kesungguhan dan cinta ilmu yang bersifat peribadi dan dalaman. Penggabungan kedua-dua dimensi nilai ini dalam program yang sama mencerminkan pemahaman bahawa sahsiah yang holistik memerlukan

keseimbangan antara kekuatan luaran (kepimpinan) serta kekuatan dalaman (disiplin diri dan cinta ilmu).

Rumusannya, analisis berasaskan prinsip hikmah menunjukkan bahawa keberkesanan pemilihan kandungan dalam segmen Geng Sirah Best Pagi bukan sekadar bergantung kepada kebenaran nilai yang disampaikan, tetapi kepada ketepatan strategik dalam memilih kisah yang relevan dengan psikologi, usia dan konteks pelajar sasaran. Ini merupakan sumbangan teoretikal penting kajian ini: hikmah dalam dakwah media bukan sekadar konsep etika, tetapi merupakan prinsip komunikasi yang boleh diaplikasikan melalui kriteria pemilihan kandungan yang sistematik, menjawab objektif pertama kajian ini.

7.2 Strategi Penceritaan dalam Penyampaian Sirah Nabawiyah

Bagi menjawab objektif kedua kajian, prinsip *maw'izah hasanah* digunakan untuk menganalisis strategi penceritaan dalam segmen ini. Persoalan kritikal yang perlu dijawab ialah: bagaimana struktur penyampaian naratif menentukan sama ada mesej moral diterima atau ditolak oleh pelajar? Secara teoretikal, *maw'izah hasanah* beroperasi berdasarkan andaian bahawa manusia lebih responsif terhadap pengajaran yang datang dalam suasana penerimaan psikologi yang positif, bukan dalam keadaan terancam atau dihakimi. Implikasinya kepada analisis kandungan segmen ini ialah setiap elemen penyampaian yang berjaya mewujudkan rasa selamat psikologi dalam diri pendengar adalah manifestasi *maw'izah hasanah* yang berfungsi, manakala elemen yang mencetuskan defensif atau rasa bersalah adalah kegagalan prinsip ini (Darlan et al., 2021).

Apabila prinsip ini digunakan untuk menganalisis kandungan segmen secara kritikal, tiga teknik penceritaan utama dapat dikenal pasti. Teknik pertama: pembukaan empatik, yang berfungsi secara teoretikal sebagai teknik prapujukan (*pre-persuasion*) yang membuka saluran penerimaan emosi pendengar sebelum mesej utama disampaikan. Ketika penyampai berkata: “Pernah tak kita dengar pelajar mengeluh? Ustaz, susahnya nak belajar…” hal tersebut bukan sekadar pembuka kata, tetapi tindakan psikologi yang mengesahkan pengalaman pendengar, menjadikan mereka berasa difahami, bukan dihakimi. Ini menepati teras *maw'izah hasanah,* iaitu pengajaran yang bermula dengan memahami, bukan dengan menghukum (Darlan et al., 2021).

Teknik kedua: perbandingan kontekstual, yang berfungsi sebagai alat disonansi kognitif yang terkawal. Apabila penyampai berkata: “Hari ini segmen sirah kita tak lama akan bermula. Tetapi kadang-kadang kita masih rasa berat untuk membuka buku 15 minit. Sedangkan Ibnu Abbas sanggup menunggu berjam-jam hanya untuk satu hadis”, hal tersebut mewujudkan rasa tidak selesa yang produktif dalam diri pendengar. Secara kritikal, teknik ini berkesan bukan kerana mencela pelajar, tetapi kerana teknik tersebut membiarkan pendengar sendiri merasai kontradiksi antara kemudahan yang ada dengan usaha yang dilakukan. Inilah yang membezakan *maw'izah hasanah* daripada teguran biasa keranamendorong perubahan dari dalam, bukan dari tekanan luar (Hirza & Mukhlis, 2024). Teknik ketiga: penutup reflektif dengan soalan seperti “Adakah aku sudah bersungguh-sungguh seperti Ibnu Abbas?” berfungsi sebagai pemangkin internalisasi nilai. Soalan ini tidak memerlukan jawapan verbal, tetapi mendorong monolog dalaman dalam diri pelajar yang berterusan lama selepas segmen berakhir, mencerminkan kehebatan *maw'izah hasanah* sebagai teknik dakwah yang berpanjangan kesannya.

Rumusannya, analisis dokumentari terhadap kandungan segmen menunjukkan bahawa strategi penceritaan yang digunakan adalah konsisten dengan prinsip *maw'izah hasanah,*iaitu pembukaan empatik, perbandingan kontekstual dan penutup reflektif. Ketiga-tiga strategi ini berpotensi menjadikan nilai-nilai akhlak sirah Nabawiyah lebih mudah

diterima dan dihayati oleh pelajar berbanding pendekatan dakwah formal, menjawab objektif kedua kajian ini.

7.3 Potensi Penghayatan Nilai Akhlak dan Tafsiran Sahsiah dalam Kalangan Pelajar

Bagi menjawab objektif ketiga, prinsip *mujadalah billati hiya ahsan* digunakan untuk menganalisis secara kritikal bagaimana pendekatan penyampaian segmen ini berpotensi mendorong penghayatan nilai sahsiah dalam diri pelajar. Persoalan teoretikal yang ditangani ialah: mengapa dialog, walaupun berbentuk dalaman dan tidak dinyatakan secara verbal, lebih berkesan dalam membentuk sahsiah berbanding penyampaian sehala? Jawapannya terletak pada prinsip agensi pembelajaran: manusia cenderung menginternalisasi nilai yang mereka rasa telah mereka pilih sendiri, bukan nilai yang dipaksakan kepada mereka. Prinsip mujadalah mengeksploitasi keupayaan manusia untuk berfikir secara kritikal, dan membuat kesimpulan sendiri dan inilah yang membezakannya daripada dakwah sehala yang berisiko menghasilkan pendengar yang patuh tetapi tidak menghayati (Choirin et al., 2024).

Analisis kritikal terhadap kedua-dua episod mendapati bahawa penyampaian segmen ini beroperasi melalui tiga peringkat penghayatan yang saling berkaitan. Peringkat pertama: kesedaran kognitif berlaku apabila pelajar sedar bahawa nilai kepimpinan dan kesungguhan telah dipraktikkan oleh pemuda sebaya mereka dalam sirah. Secara kritikal, kesedaran ini penting bukan kerana baharu dari segi maklumat, tetapi kerana kesedaran tersebutmeruntuhkan alasan psikologi pelajar untuk tidak bertindak. Pelajar tidak lagi boleh berkata 'saya terlalu muda' atau 'saya tidak mampu' kerana sirah membuktikan sebaliknya melalui contoh yang konkrit dan berusia hampir sama. Peringkat kedua: resonans emosi adalah titik kritikal yang menentukan sama ada mesej kekal sebagai pengetahuan atau bertukar menjadi motivasi. Perbandingan antara Ibnu Abbas yang menunggu berjam-jam dengan pelajar moden yang tidak mampu ulang kaji 15 minit bukan sekadar perbandingan statistik tetapi merupakan cermin yang memaksa pelajar berhadapan dengan realiti diri mereka secara jujur (Darlan et al., 2021).

Peringkat ketiga: niat untuk bertindak adalah peringkat prinsip mujadalah mencapai matlamat tertingginya. Soalan retorik seperti 'Jika Usamah bin Zaid sanggup memimpin tentera Rasulullah pada usia muda, mengapakah kita menganggap diri terlalu muda?' berfungsi sebagai teknik pertanyaan Sokrates (Socratic questioning) dalam konteks dakwah, kerana teknik tersebut tidak memberikan jawapan, sebaliknya mencetuskan proses pemikiran sendiri dalam diri pelajar. Ini adalah pendekatan yang lebih berkesan daripada arahan langsung kerana menghormati agensi intelektual pelajar dan menghasilkan komitmen nilai yang datang dari dalam diri, bukan dari tekanan sosial atau agama. Prinsip mujadalah dengan demikian bukan sekadar teknik berdialog, tetapi merupakan mekanisme pembinaan sahsiah yang berasaskan penghormatan terhadap keupayaan berfikir manusia (Mat Daud et al., 2020).

Rumusannya, penelitian terhadap dua episod yang dikaji menunjukkan bahawa pendekatan penyampaian yang digunakan berpotensi mencetuskan tiga peringkat penghayatan sahsiah dalam diri pelajar: kesedaran kognitif, resonans emosi dan niat untuk bertindak. Ini menjawab objektif ketiga kajian bahawa segmen ini berpotensi bukan sekadar menyampaikan maklumat tentang sirah, tetapi mendorong pemaknaan dan penghayatan sahsiah yang bermakna. Walau bagaimanapun, kajian empirikal lanjutan yang melibatkan temu bual sistematik dengan pendengar pelajar diperlukan untuk mengesahkan potensi ini secara saintifik.

7.4 Cabaran dalam Pelaksanaan: Implikasi kepada Pengamal Dakwah Media

Analisis kritikal terhadap cabaran pelaksanaan mendedahkan satu ketegangan teoretikal yang penting dalam konteks dakwah media. Dari sudut prinsip hikmah, cabaran utama ialah bahawa keberkesanan dakwah santai berbanding dakwah formal bergantung kepada satu andaian yang belum disahkan secara empirikal: bahawa keselesaan psikologi dalam penerimaan mesej akan menghasilkan internalisasi nilai yang lebih mendalam. Terdapat hujah yang bertentangan bahawa format yang terlalu santai mungkin menghasilkan penerimaan yang tidak terlalu mendalam, iaitu pelajar menikmati penceritaan tetapi tidak mengubah tingkah laku. Ketegangan antara kedalaman dan keselesaan ini adalah cabaran teras dalam dakwah media yang perlu diselesaikan melalui kajian empirikal (Ramadhan et al., 2024).

Dari sudut prinsip *maw'izah hasanah*, kepelbagaian latar belakang pelajar menimbulkan persoalan kritikal tentang universaliti mesej. Adakah kisah Ibnu Abbas yang menunggu di bawah panas terik bermakna sama kepada pelajar bandar yang besar dengan kemudahan berbanding pelajar luar bandar? Adakah nilai kepimpinan Usamah bin Zaid relevan sama kepada pelajar perempuan seperti pelajar lelaki dalam konteks Malaysia? Secara teori, *maw'izah hasanah* menuntut penyesuaian konteks dan ini bermakna satu format tunggal mungkin tidak mencukupi untuk mencapai kedalaman pemaknaan yang dikehendaki bagi semua segmen pendengar. Keterbatasan ini perlu diakui sebagai had teoretikal kajian ini.

Cabaran paling fundamental dari sudut prinsip mujadalah ialah paradoks medium radio itu sendiri. Mujadalah secara esensinya ialah dialog yang memerlukan interaksi dua hala. Namun, radio adalah medium sehala. Ini bermakna 'mujadalah' yang berlaku dalam segmen Geng Sirah Best Pagi adalah mujadalah dalaman atau mujadalah simulasi, penyampai merekabentuk soalan yang seolah-olah membuka ruang dialog, tetapi sebenarnya tiada respons pendengar yang diproses. Secara kritikal, ini ialah had struktural yang tidak boleh diselesaikan oleh kandungan atau gaya penyampaian semata-mata, sebaliknya memerlukan inovasi format seperti sesi tanya jawab interaktif melalui media sosial sebagai pelengkap kepada siaran radio (Ramadhan et al., 2024).

Justeru, cabaran-cabaran ini tidak menafikan potensi kerangka *Dakwah bil-Hikmah* sebagai alat analisis dalam menilai keberkesanan segmen dakwah radio, sebaliknya menegaskan keperluan untuk kajian empirikal lanjutan yang dapat mengesahkan secara sistematik bagaimana setiap prinsip iaitu hikmah, *maw'izah hasanah* dan mujadalah dapat dizahirkan dalam kandungan sebenar segmen Geng Sirah Best Pagi dan bagaimana prinsip-prinsip tersebut mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar secara terukur.

8.0 KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa program Geng Sirah Best Pagi di Radio Best FM berpotensi berfungsi sebagai wahana dakwah santai yang berkesan dalam menyampaikan nilai-nilai akhlak Rasulullah SAW kepada pelajar secara berterusan dan bermakna. Melalui penggunaan teknik *storytelling* yang terancang dan bersistematik, sirah Nabawiyah berpotensi bukan sahaja disampaikan sebagai naratif sejarah yang pasif, tetapi juga diterjemahkan sebagai panduan praktikal yang hidup dan relevan dalam pembentukan sahsiah pelajar. Nilai seperti kesabaran, kerendahan hati, tanggungjawab, kepimpinan dan kasih sayang berpotensi dipersembahkan dalam format yang kontekstual sertamudah dihayati oleh pendengar muda.

Analisis konseptual menggunakan kerangka *Dakwah bil-Hikmah* menunjukkan bahawa pendekatan dakwah santai yang bersifat naratif dan tidak menggurui berpotensi memberi ruang yang selesa kepada pelajar untuk menghayati nilai moral secara lebih reflektif dan bebas tanpa tekanan. Keberkesanan potensi segmen ini bukan sahaja terletak

pada kekayaan kandungan sirah yang diketengahkan, tetapi juga pada strategi komunikasi yang mesra pendengar dan selari dengan corak penerimaan maklumat generasi muda masa kini. Pendekatan ini menyokong pandangan bahawa dakwah melalui media perlu disesuaikan secara teliti dengan konteks sosial dan psikologi audiens agar mesej moral berpotensi diterima secara lebih mendalam (Mat Daud et al., 2020).

Kajian ini turut menunjukkan bahawa stesen radio, walaupun sering dianggap sebagai medium yang semakin ketinggalan zaman dalam era digital, tetapi masih memiliki potensi yang besar sebagai satu wadah dakwah tidak formal yang berkesan. Ciri-ciri unik radio seperti keintiman suara, kebolehaksesan tanpa perhatian visual dan keupayaan menjangkau pendengar semasa mereka melakukan aktiviti lain menjadikannya medium yang strategik dalam menyebarkan mesej moral secara beransur-ansur dan tidak mengganggu. Integrasi antara kekuatan medium radio dengan kekayaan nilai sirah Nabawiyah yang disampaikan melalui teknik *storytelling* yang berkesan mewujudkan satu pendekatan dakwah yang unik, inovatif dan responsif terhadap keperluan generasi pelajar semasa. Hakikat ini membuktikan bahawa medium konvensional seperti radio masih mampu memainkan peranan yang signifikan dalam landskap pendidikan Islam tidak formal sekiranya dimanfaatkan dengan strategi komunikasi yang tepat dan kreatif.

Kajian konseptual ini menunjukkan bahawa segmen Geng Sirah Best Pagi berpotensi menyumbang secara signifikan kepada pembinaan peribadi pelajar melalui pengukuhan nilai akhlak dan kesedaran sosial yang berterusan. Namun demikian, kajian empirikal yang lebih menyeluruh amat diperlukan untuk mengesahkan potensi-potensi yang dikemukakan dalam kajian konseptual ini, termasuk kajian yang melibatkan analisis kandungan episod sebenar dan temu bual bersama pendengar pelajar. Dakwah santai berasaskan sirah Nabawiyah melalui medium radio wajar dilihat sebagai pendekatan strategik yang perlu dipertingkatkan, diperkemas dan diperluas dalam usaha memperkasa pembentukan sahsiah generasi muda Muslim (Kamal & Mohamad, 2022).

8.1 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan dapatan dan limitasi kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperkukuh dan memperluas penyelidikan dalam bidang dakwah media serta pembentukan sahsiah pelajar pada masa hadapan. Pertama, kajian lanjutan berbentuk empirikal dengan menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen disarankan bagi mengukur secara lebih tepat dan saintifik tahap internalisasi nilai dalam kalangan pelajar sebelum dan selepas pendedahan kepada segmen dakwah santai seperti Geng Sirah Best Pagi. Pendekatan ini akan membolehkan pengkaji mengukur perubahan sahsiah secara lebih objektif dan sistematik berbanding kajian kualitatif semata-mata.

Kedua, kajian perbandingan antara pelbagai format penyampaian dakwah santai wajar dijalankan bagi mengenal pasti format yang paling berkesan dalam menyampaikan nilai-nilai sirah kepada pelajar. Perbandingan antara medium radio, media sosial, podcast dan platform digital lain akan memberikan gambaran yang lebih komprehensif tentang kekuatan dan kelemahan setiap medium dalam konteks dakwah kepada generasi muda. Dapatan kajian sedemikian akan membantu pengamal media dakwah membuat keputusan yang lebih tepat dalam memilih platform yang paling sesuai untuk khalayak sasaran mereka (Arif & Chapakiya, 2024).

Ketiga, kajian yang merangkumi sampel yang lebih luas dan pelbagai dari segi geografi, latar belakang sosiobudaya dan tahap pengajian disarankan bagi memastikan dapatan kajian dapat digeneralisasikan kepada populasi pelajar yang lebih besar di Malaysia. Kajian masa hadapan juga boleh mempertimbangkan untuk menerokai perspektif penghasil program dan penyampai segmen dakwah bagi mendapatkan pemahaman yang

lebih menyeluruh tentang proses reka bentuk kandungan dan strategi penyampaian yang digunakan. Hal ini akan melengkapkan gambaran tentang ekosistem dakwah santai melalui radio secara keseluruhan (Soeparwati et al., 2025).

SUMBANGAN PENGARANG

Mohd Rafie bin Borham selaku pengarang utama bertanggungjawab sepenuhnya dalam menjalankan kajian ini, merangkumi pencarian literatur, analisis dokumentari, analisis konseptual dan penulisan keseluruhan manuskrip. Dr. Mohd Ali bin Mohd Don selaku pengarang bersama dan penyelia telah memberikan bimbingan akademik yang berterusan, menawarkan pandangan kritis terhadap hala tuju kajian, menyemak kualiti penulisan dan memastikan artikel ini memenuhi piawaian penerbitan jurnal. Kedua-dua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi akhir artikel ini sebelum diserahkan untuk penerbitan.

PENGHARGAAN

Para penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Pasir Gudang, Johor atas sokongan institusi dan persekitaran akademik yang kondusif sepanjang kajian ini dijalankan. Penghargaan ikhlas turut diucapkan kepada Dr. Mohd Ali bin Mohd Don atas penyeliaan, bimbingan dan tunjuk ajar yang amat berharga dalam memastikan kejayaan penerbitan ini. Para penulis juga merakamkan terima kasih kepada pihak Radio Best FM atas kerjasama yang diberikan bagi memudahkan pelaksanaan kajian ini.

PERAKUAN PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM PROSES PENULISAN

Dalam proses penyediaan manuskrip ini, penulis telah menggunakan perisian kecerdasan buatan (AI) bagi tujuan pemurnian bahasa, semakan tatabahasa dan penstrukturan ayat. Segala kandungan ilmiah, hujah akademik, analisis, interpretasi data dan kesimpulan yang dikemukakan dalam artikel ini adalah sepenuhnya hasil pemikiran dan pertimbangan intelektual penulis sendiri. Penggunaan AI adalah terhad kepada aspek teknikal penulisan semata-mata dan tidak melibatkan penjanaan idea atau dapatan kajian. Penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan, keaslian dan integriti keseluruhan kandungan artikel ini.

RUJUKAN

Ahmad Sahlan Abdul Hatim, Mohd Nizam Sahad, & Rosmawati Mohamad Rasit. (2020). Persepsi pelajar terhadap pembentukan akhlak melalui penerapan nilai murni dalam aktiviti dakwah kesenian di SMKA negeri Kedah. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 7*(2), 1–16. https://doi.org/10.11113/ umran2020.7n 2.400

Al-Quran al-Karim. (2023). Terjemahan al-Quran al-Karim.Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Alfarizi, M., Hidayat, W., Yosiyana, K., & Effendi, E. (2023). Memahami pesan dakwah dalam siaran radio dan televisi.*Journal of Da'wah and Communication, 2*(1), 1–12. https://doi.org/10.62524/dakwatussifa.v2i1.58

Arif, M., & Chapakiya, S. (2024). Religious (Islamic) character education based on local wisdom: Systematic study 2014–2024.J*ournal of Madrasah Ibtidaiyah Teacher Education, 8*(2), 245–267. https://doi.org/10.30603/atl.v8i2.4532

Choirin, M., Dwijayanto, A., Yumna, L., & Muaz, Y. A. (2024). Nurturing moderate Islam: Strategic da'wah communication in the digital era for Generation Z. *International Journal Ihya' 'Ulum al-Din, 26*(1), 108–118. https://doi.org/10.21580/ihya.26.1.20008

Darlan, D., Pettalongi, S. S., & Rustina, R. (2021). The roles of Islamic education in building students' character within Indonesia public schools. International *Journal of Contemporary Islamic Education, 3*(2), 21–39. https://doi.org/10.24239/ijcied.Vol3.Iss 2.37

Hirza, H., & Mukhlis, M. (2024). Sirah Nabawiyah as a media for da'wah for children through Islamic songs. *Proceedings of the 5th International Conference of Educational Science* (ICONSEIR 2023). https://doi.org/10.4108/eai.30-11-2023.2346999

Jabareen, Y. (2009). Building a conceptual framework: Philosophy, definitions, and procedure. *International Journal of Qualitative Methods, 8*(4), 49–62. https://doi.org/1 0.1177/160940690900800406

Mat Daud, H., Yussuf, A., & Abdul Kadir, F. A. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam.*Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 17*(9), 75–89. https://doi.org/10.17576/ebangi.2020.1709.07

Ramadhan, S., Nabillah, O., Fatwa, B. H., Anggian, K. Y., & Bakti, A. M. F. (2024). Radio dakwah dan komunikasi 107,9 FM UIN Jakarta: Pengamatan media sebagai industri. *Journal of Da'wa and Communication, 5*(1), 23–38.https://doi.org/10.24239/jdc.Vol5. Iss1.108

Soeparwati, Z., Ahmad, Z. A., Sumarni, S., & Istiningsih, I. (2025). The grit character education model based on Islamic values for Madrasah Ibtidaiyah students: A systematic literature review. *Khazanah Pendidikan Islam, 7*(1), 1–18. https://doi.org/ 10.15575/kpi.v7i1.37582